

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

SEU320/SEP229 - Ekonomi Islam

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEMBILAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab semua soalan Bahagian A, dan DUA (2) soalan Bahagian B. Jumlah soalan yang perlu dijawab ialah TUJUH (7) semuanya.

Bahagian A (60 markah)

Jawab semua soalan Bahagian ini. Semua jawapan hendaklah dibuat di atas kertas soalan ini.

Soalan 1 (10 markah)

Nyatakan betul atau salah kepada kenyataan berikut dan berikan sebabnya jika ada.

- (a) Ekonomi Islam ialah satu bidang muamalah Islam di mana manusia berurusan sesama mereka bagi memperolehi keperluan dalam kehidupan mereka. Pada teori dan amali, ia hanya melibatkan orang-orang Islam sahaja.
_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (b) Konsep awal ekonomi Islam ialah bijak dalam mengurus rumahtangga yakni berjimat cermat dan kesederhanaan dalam urusan. Konsep ini diterangkan dengan istilah iqtisad.

_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (c) Salah satu bidang urusan ekonomi yang dikenal pasti di zaman kegemilangan Islam ialah ekonomi sektor awam. Buku atau kitab ekonomi yang pertama dihasilkan oleh penulis atau ulamak Islam ialah yang bernama *Kitab al-Kharaj*.

_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (d) Ulamak-ulamak moden seperti Muhammad Baqir Sadr telah mengatakan bahawa Ekonomi Islam lebih bersifat mazhab daripada sains; yakni Ekonomi Islam menekankan kajian positif atau apa yang sebenarnya berlaku daripada kajian normatif atau apa yang sepatutnya berlaku.

_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (e) Salah satu aspek perbezaan di antara sistem ekonomi Islam dengan sistem ekonomi konvensional ialah epistemologi. Sistem ekonomi konvensional hanya menekankan analisis ilmiah dan mengabaikan sumber-sumber wahyu khususnya Kitab Allah dan sabda Nabi, tetapi sebaliknya sistem ekonomi Islam mengutamakan sumber-sumber wahyu dan mengabaikan analisis ilmiah.

_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (f) Orang Islam sejati melaksanakan urusan ekonomi bertujuan memperolehi falah atau kejayaan dunia dan akhirat. Dalam merealisasikan tujuan itu mereka mesti melaksanakannya dengan baik atau soleh di samping tidak mengabaikan kewajiban diri (fardhu ain) yang berkaitan dengan Lima Rukun Islam dan Enam Rukun Iman.

_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (g) Tingkatan keperluan dalam urusan ekonomi Islam dikenalpasti sebagai daruriyat, hajiyyat dan tahsiniyat (asas, keselesaan dan pelengkapan). Setiap keperluan itu ditakrifkan dengan rigid bagi setiap peringkat orang.
_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (h) Mudharabah ialah satu kaedah perkongsian di antara pengusaha atau mudharib dengan pembekal modal atau sahib-al-mal untuk melaksanakan sesuatu urusan pengeluaran. Perjanjiannya hanya boleh dimulakan oleh mudharib sahaja.
_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (i) Murabahah ialah satu kaedah ususiaga di mana penjual dan pembeli bersetujui berjual-beli sesuatu barang pada suatu harga yang telah ditambah dengan jumlah keuntungan tertentu yang tidak diketahui atau dipersetujui oleh pembeli.
_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

- (j) Skim pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia adalah berteraskan kebajikan atau qard-al-hasan.
_____ (Betul/Salah)

Sebab Betul/Salah _____

Soalan 2 (10 markah)

Isikan tempat-tempat kosong dengan istilah atau perkataan yang betul.

- (a) Wang bayaran yang lebih daripada wang pokok pinjaman kerana tertangguh atau melewati tempoh masa membayar balik pinjaman dinamakan _____

...4/-

- (b) Tidak sah jual-beli dalam Islam kecuali ada _____ di antara penjual dan pembeli.
- (c) Salah satu prinsip mengikut kaedah usul-fiqh dalam pelaksanaan sesuatu urusan ekonomi ialah urusan itu tidak _____ dan _____.
- (d) Walaupun ekonomi Islam berteraskan hukum Allah, namun hukum itu adalah bersifat dinamik khususnya apabila dirujuk kepada prinsip usul-fiqh "hajat keperluan memenuhi _____".
- (e) Pinjaman kebajikan dalam Islam diistilahkan sebagai _____.
- (f) Sumber rujukan ilmu yang mesti didahului, dan hukum atau prinsipnya tidak boleh diatasi oleh mana-mana sumber ilmu ialah _____.
- (g) Paradigma, yakni prinsip atau hukum dalam sistem kapitalisme dinamakan *laisse-faire*, manakala dalam sistem sosialisme dikenali sebagai Marxian, dan dalam sistem ekonomi Islam ia diistilahkan sebagai _____.
- (h) Langkah awal ke arah melaksanakan ekonomi Islam dalam ekonomi Malaysia ialah penubuhan _____.
- (i) Insurans dalam Islam dikenali sebagai _____.
- (j) Ar-Rahn ialah urusan _____ dalam Islam.

Soalan 3 (10 markah)

Nyatakan dua ciri persamaan bagi pasangan istilah yang diberikan berikut:

- (a) Mudarabah dan syarikah

(i) _____

(ii) _____

- (b) Infaq dan zakat

(i) _____

(ii) _____

(c) Quran dan hadis Nabi

(i) _____

(ii) _____

(d) Takaful dan insurans

(i) _____

(ii) _____

(e) Ar-Rahn dan pajak-gadai

(i) _____

(ii) _____

Soalan 4 (10 markah)

Berikan dua ciri perbezaan bagi pasangan istilah berikut:

(a) keuntungan dan riba

(i) _____

(ii) _____

(b) syarikah al-mufawadah dan syarikah al-inan

(i) _____

(ii) _____

(c) syarikah dan mudharabah

(i) _____

(ii) _____

(d) qard-al-hasan dan sadaqah (derma)

(i) _____

(ii) _____

(e) infaq dan zakat

(i) _____

(ii) _____

Soalan 5 (20 markah)

Tulis nota ringkas mengenai perkara-perkara berikut:

(a) Epistemologi ekonomi Islam.

(b) Perkaedahan usul-fiqh dalam ekonomi Islam.

Bahagian B (40 markah)

Jawab **DUA** (2) soalan sahaja dari Bahagian ini. Setiap soalan dalam Bahagian ini mempunyai markah yang sama. Sila jawab di dalam buku jawapan.

Soalan 6 (20 markah)

- (a) Namakan lima produk urusan bank tanpa faedah.
- (b) Terangkan dengan terperinci syarat-syarat am yang membolehkan urusan ekonomi memenuhi tuntutan ibadah.

Soalan 7 (20 markah)


- (a) Huraikan bagaimanakah sebuah perjanjian mudharabah boleh termenterai dan memenuhi tuntutan syariah.
- (b) Sebutkan kebaikan pengeluaran menerusi mudharabah berbanding dengan pengeluaran menggunakan modal pinjaman secara konvensional.

Soalan 8 (20 markah)

- (a) Senaraikan kategori bentuk penyertaan muslim dalam perusahaan ekonomi.
- (b) Jelaskan syarat-syarat mewujudkan syarikat al-mufawadah.

Soalan 9 (20 markah)

Teliti rajah yang diberi dan jawab soalan berikutnya.



Rajah: Keseimbangan Firma Persaingan Sempurna dan Firma Monopoli.

- (a) Labelkan paksi-paksi, keluk-keluk permintaan, keluk-keluk hasil purata, keluk-keluk hasil sut, keluk kos purata dan keluk kos sut. Apakah syarat keseimbangan firma?
- (b) Apakah tingkat harga dan output bagi firma monopoli dalam keseimbangan? Adakah tingkatan harga dan output tersebut digalakkan dalam Islam, atau ada alternatifnya. Kenapa?

- oooOooo -